




MESRA: Abdullah bersama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berbincang dengan pemimpin negara peserta pada majlis jamuan sempena Dialog Global Antarabangsa Selatan Afrika 2005 di Maseru, semalam.

Dialog Global Antarabangsa Selatan Afrika 2005 (SAID-2005)

Selami bidang kerjasama secara mendalam: PM

Agenda tumpu basmi kemiskinan, bina keupayaan, modal insan



MASERU (Lesotho): Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu dialog perkongsian pintar antarabangsa menyelami secara mendalam bidang kerjasama yang dikenal pasti supaya ia lebih bermakna.

Malah, kata Perdana Menteri, agenda dialog itu juga harus memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan, pembinaan keupayaan dan Pembangunan modal insan sebagai pelan tiga perkara untuk menyuburkannya dalam menghadapi saingan antarabangsa.

"Jika ada keperluan untuk mengkaji semula cara kita termasuk format dan struktur dialog ini, lakukannya.

"Hanya selepas itu, kita akan berupaya untuk lebih menyedari potensi besar dan janji pergerakan perkongsian pintar," katanya dalam ucapan alu-aluan pada majlis jamuan sempena Dialog Global Antarabangsa Selatan Afrika 2005 (SAID-2005) di sini malam tadi.

SAID kali ini yang bertemakan 'Ke arah Dunia yang Lebih Pintar: Penyumberan bagi Mencapai Pertumbuhan Melalui Perkongsian Bijak', menyaksikan penyertaan Sembilan ketua kerajaan.

Abdullah yang mengetuai 70 de-

legasi Malaysia, paling ramai di kalangan 14 negara anggota SAID, berkata dialog itu dan akan datang tidak seharusnya terbatas kepada usaha untuk memajukan rangka kerja intelektual kepada agenda yang digariskan.

"Kita harus secara jujur membincang kaedah untuk menggerakkan sumber kita dan membawa bersama sektor awam dan swasta melepasi sempadan ke dalam perkongsian strategik yang lebih besar dengan hasilnya lebih fokus kepada memajukan kebajikan rakyat.

"Ini mesti wujud dalam kerjasama Selatan-Selatan dan menjadi inti perkongsian pintar. Ia mesti melebihi usaha memperkukuh hubungan diplomatik dan politik di antara negara Selatan supaya turut menitikberatkan pembangunan ekonomi serta keamanan dan keselamatan untuk negara kita," katanya.

Beliau berkata, mereka perlu membincang pelan tindakan untuk Pembangunan dan kemajuan iaitu bagaimana mencapainya, menyuburkannya dan mengekalkannya untuk benar-benar meningkatkan taraf hidup semua rakyat

Katanya, mereka juga boleh merangka usaha mengisi jurang atau menarik bersama sumber dan kepakaran dalam bidang tertentu termasuk pertanian dan bioteknologi, seperti meningkatkan pertukaran pendidikan di antara negara anggota.

Abdullah seterusnya menggariskan beberapa perkara untuk memantapkan lagi dialog antarabangsa itu, antaranya:

- Menetapkan sumbangan pergerakan perkongsian pintar itu dalam tempoh 10 tahun akan datang dan selepas itu;
- Memberi penekanan kepada rakyat, melebihi slogan dan mesyuarat;
- Proses dialog tidak boleh dihadkan kepada atur cara tahunan, sebaliknya adakan hubungan sepanjang tahun dalam usaha membangunkan pertukaran kerjasama di kalangan rakyat, dan
- Wujudkan rantaian kerjasama secara terus antara rakyat di kalangan negara anggota ke arah memupuk kerjasama jujur dan bagi jangka Panjang.

Beliau berkata, usaha harus dilakukan supaya dialog itu terus relevan dalam perkembangan pesat persekitaran politik dan sosio ekonomi global.

"Sebaliknya, persoalan lain yang timbul ialah apa pergerakan perkongsian bijak harus cuba dan sumbang? Jawapan kepada soalan ini ialah dialog memerlukan fokus untuk mewujudkan sesuatu bagi kepentingan bersama bagi mengikat mereka terus bersama.

"Malah, sementara fokus awal dialog adalah mengenai teknologi dan pengurusan, sekarang ia sudah menjadi forum global membincangkan pelbagai isu dalam negara dan antarabangsa," katanya.

FAKTA LESOTHO

- Ketua Kerajaan: Perdana Menteri, Pakalitha Mosisili
- Ketua Negara: Raja Letsie III
- Ibu Negara: Maseru
- Jumlah penduduk: 2.2 juta
- Keluasan: 30,255 kilometer persegi
- Pendapatan perkapita: RM9,310
- Bahasa rasmi: Sesotho dan Inggeris
- Agama rasmi: Kristian
- Ekonomi utama: Makanan, minuman, tekstil, kraftangan, pembinaan dan pelancongan
- Eksport: Pakaian, kasut, benang bulu, makanan dan ternakan
- Import: Makanan, bahan binaan, kenderaan, mesin, ubat dan petroleum
- Mata wang: Maloti (AS\$1=6 Maloti) tetapi tidak diterima di Afrika Selatan

membincang kaedah untuk menggerakkan sumber"

Abdullah Ahmad badawi
Perdana Menteri